

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI**  
**NASARAH**  
**KAWASAN** : **LENGGONG**  
**TARIKH** : **12 MAC 2018**  
**NO. SOALAN** : **11**

**SOALAN**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan susulan penurunan harga kereta sebanyak 13.1 peratus pada ketika ini, apakah tindakan Kerajaan untuk menepati sasaran 30 peratus penurunan seperti yang disasarkan oleh Kerajaan bagi tempoh 5 tahun yang akan datang. Nyatakan dasar-dasar yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan berhubung perkara berikut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Automotif Nasional 2014 yang diumumkan Kerajaan pada 2014 bertujuan menjadikan Malaysia sebagai hab kenderaan cekap tenaga (EEV) dan meningkatkan keupayaan keseluruhan ekosistem industri automotif supaya lebih berdaya saing. Pelaksanaan Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 telah mewujudkan persaingan harga kenderaan yang lebih kompetitif di pasaran tempatan. Ini dapat dilihat melalui penurunan harga kereta sebanyak 14.68% bagi tempoh 2013 hingga 2015.

15

Walau bagaimanapun, harga kereta telah meningkat semula bermula pada tahun 2016 sebanyak 2.13% berikutan kejatuhan nilai Ringgit yang menyebabkan kos pengeluaran kereta telah meningkat, dan pihak syarikat pengeluar kenderaan (OEM) tidak dapat membuat pengurangan harga kereta. Oleh itu, penurunan harga kereta secara keseluruhan sehingga akhir tahun 2016 hanyalah 12.55%. Pada 2017, penurunan harga kereta secara keseluruhan telah meningkat sebanyak 0.52% iaitu sebanyak 13.07%.

Model-model kereta yang telah diturunkan harga secara berperingkat bagi tempoh 2013 sehingga 2017 termasuk:

- Proton Exora 1.6 (penurunan sebanyak 4.7%);
- Perodua Alza 1.5 (penurunan sebanyak 11.3%);
- Perodua Myvi 1.3 (penurunan sebanyak 19.4%);
- Honda Jazz (penurunan sebanyak 19.3%);
- Mazda CX-5 (penurunan sebanyak 6.6%); dan
- Toyota Vios E (penurunan sebanyak 1.8%).

Tuan Yang di-Pertua,

Harga kereta tidak ditetapkan oleh pihak Kerajaan, sebaliknya ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran (*market forces*) seperti harga komponen CKD yang diimport dan juga yang diperolehi dari pasaran tempatan, kadar tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans, kadar faedah pinjaman dan kos-kos lain.

Aspek harga kompetitif sentiasa diambil perhatian untuk memberi kemampuan pemilikan kereta yang lebih baik bagi rakyat Malaysia dan

juga untuk memastikan kos pengeluaran yang kompetitif dicapai bagi memberi peluang eksport yang lebih tinggi bagi perusahaan tempatan.

Sekian, terima kasih.